

Ekuinas komited agih keuntungan RM500 juta untuk manfaat masyarakat Bumiputera

BARU-BARU INI, Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak mengumumkan komitmen Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) untuk mengagihkan RM500 juta daripada keuntungannya menerusi Yayasan Pelaburan Bumiputra (YPB) untuk manfaat masyarakat Bumiputera yang memiliki unit amanah yang diurus oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB).

Pengumuman ini semestinya mengundang pelbagai persoalan dan reaksi dari pihak awam memandangkan ia tidak pernah dilakukan oleh mana-mana organisasi sebelum ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, Datuk Abdul Rahman Ahmad berkata, "Sebagai sebuah entiti berkaitan kerajaan yang diberi mandat untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi, Ekuinas percaya adalah wajar supaya kejayaan ini dikongsi bersama masyarakat Bumiputera. Ini akan membolehkan impak aktiviti pelaburan Ekuinas dapat dirasai oleh individu Bumiputera itu sendiri."

Ekuinas telah ditubuhkan oleh kerajaan pada tahun 2009 untuk menyediakan pembiayaan kepada syarikat-syarikat dan usahawan berpotensi tinggi di Malaysia menggunakan model pelaburan ekuiti persendirian atau *private equity* (PE).

"Model PE ini sebenarnya melibatkan kita mencari syarikat yang berpotensi tinggi, kita melabur dalam syarikat tersebut untuk tempoh antara tiga hingga lima tahun, tingkatkan nilai syarikat melalui kerjasama dengan usahawan dan profesional syarikat untuk membawa syarikat ke peringkat seterusnya dan selepas itu kita akan lupuskan pelaburan untuk meraih keuntungan sama ada melalui jualan strategik ataupun penyenaian awam di Bursa Malaysia." ujarnya lagi.

Sejak awal lagi, Ekuinas sering menekankan bahawa disiplin kewangan yang tinggi akan mendatangkan pulangan yang baik dan hanya dengan cara ini, objektif sosial akan dapat dicapai.

Rekod pencapaiannya sehingga kini amat memberangsangkan dan ini dapat dilihat dari pulangan kasar portfolio dana pertama syarikat bagi tahun kewangan 2013 sebanyak RM655.9 juta, bersa-



Sebagai sebuah entiti berkaitan kerajaan yang diberi mandat untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi, Ekuinas percaya adalah wajar supaya kejayaan ini dikongsi bersama masyarakat Bumiputera. Ini akan membolehkan impak aktiviti pelaburan Ekuinas dapat dirasai oleh individu Bumiputera itu sendiri."

ABDUL RAHMAN AHMAD
Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas

maan Kadar Pulangan Dalam (IRR) kasar tahunan sebanyak 25.5 peratus, yang melebihi sasaran pulangan jangka panjang antara 12 peratus hingga 20 peratus.

Kadar pulangan ini dijangka bakal meningkat untuk tahun 2014 dengan kejayaan penyenaian syarikat portfolio Ekuinas, Icon Offshore Berhad baru-baru ini.

Dana ini turut berjaya meningkatkan ekuiti Bumiputera sebanyak RM3.6 bilion, ataupun 2.1 kali modal yang dilaburkan sehingga



30 Jun 2014, di mana sebahagian daripada keuntungan ini akan diagihkan oleh Ekuinas kepada masyarakat Bumiputera.

Keuntungan yang diraih adalah hasil pulangan dari pelaburan dan juga pulangan dari aktiviti pelupusan Ekuinas. Jumlah yang akan diagihkan adalah sebahagian daripada keuntungan yang dicatatkan daripada dana pertama Ekuinas ini. Dana tersebut telah dilaburkan sepenuhnya dan sedang dalam proses direalisasikan atau pelupusan.

Abdul Rahman menambah, impak pelaburan Ekuinas lebih terurus kepada syarikat portfolio yang dilaburkan, usahawan dan kakitangan syarikat-syarikat tersebut.

"Oleh itu, masyarakat Bumiputera awam mungkin tidak nampak atau merasakan apa yang dilaksanakan Ekuinas. Justeru, persoalan seperti apakah peranan yang dimainkan Ekuinas dalam membantu masyarakat Bumi-

putera sering diajukan kepada kami. Alhamdulillah, selepas lima tahun bertapak dalam industri ini dan berjaya meraih keuntungan hasil pelaburannya, Yayasan Ekuiti Nasional, yayasan amanah yang memiliki Ekuinas, telah membuat keputusan untuk mengagihkan sebahagian daripada keuntungan tersebut untuk dikongsi dengan masyarakat Bumiputera."

Ujarnya lagi: "Justeru, selepas membuat pertimbangan mendalam, Ekuinas memilih PNB untuk membantu dalam usaha mengagihkan keuntungan ini. Ini kerana PNB merupakan institusi pelaburan terkemuka yang menguruskan dana dengan lebih 10 juta pemegang unit amanah Bumiputera, secara langsung menyediakan platform terbaik untuk Ekuinas berkongsi kejayaan pelaburannya dengan lebih ramai masyarakat Bumiputera secara lebih berkesan dan bermakna.

Kami percaya inisiatif ini selaras dengan prinsip Kerajaan untuk

menggalakkan budaya melabur dalam kalangan masyarakat Bumiputera bagi memastikan kekayaan mereka terpelihara dan terus berkembang untuk manfaat kita bersama."

Walau demikian, bukan semua keuntungan yang diraih oleh Ekuinas akan diagihkan kepada masyarakat Bumiputera menerusi PNB. Ekuinas akan mengekalkan sebahagian daripada keuntungan tersebut bersama-sama modal pelaburan asal yang telah berjaya diraih kembali untuk aktiviti pelaburan semula. Ini bertujuan memastikan Ekuinas mampu membiayai sendiri operasi syarikat dan seterusnya berupaya membuat pelaburan masa hadapan tanpa perlu bergantung kepada peruntukan dana tambahan daripada kerajaan.

Selain itu, sebahagian lagi daripada baki keuntungan tersebut akan digunakan untuk program Tanggungjawab Sosial Korporat

(CSR) Ekuinas di mana tumpuan program tersebut adalah dalam aktiviti pembinaan keupayaan usahawan Bumiputera dan program-program berkaitan pendidikan, pembasmian kemiskinan dan juga membantu mereka yang kurang bernasib baik. Ekuinas akan mengumumkan program CSRnya dengan lebih terperinci.

"Membuat pelaburan bukanlah satu perkara yang mudah, dan ia perlu dilihat secara keseluruhan portfolio pelaburan tersebut kerana adakalanya kita dapat untung, tapi risiko untuk kerugian juga tetap ada. Alhamdulillah, Ekuinas berjaya setakat ini dan Insya-Allah, Ekuinas akan terus berusaha lebih gigih untuk memastikan pelaburan kami mendatangkan keuntungan di masa hadapan. Kita juga berharap sekiranya keuntungan seperti ini dapat diraih lagi, kita boleh berkongsi keuntungan dengan masyarakat Bumiputera menerusi institusi Bumiputera lain pula." ujarnya lagi.